



Polisi Berurus niaga dengan Jujur – Hadiah dan Bayaran



Mengapakah berurus niaga dengan jujur penting?

Di FrieslandCampina, kita ingin berurus niaga dengan cara yang betul dan bertanggungjawab. Mengapa? Kerana berurusniaga dengan jujur adalah matlamat utama kita. Dan kita ingin mengekalkan kepercayaan para pemegang kepentingan, pelanggan dan pengguna serta melindungi reputasi cemerlang kita. Juga, jika berurus niaga dengan tidak jujur akan mengakibatkan kesan yang serius terhadap syarikat dan untuk pekerja yang terlibat. Contohnya, denda dan penjara.

Apakah prinsip asas kami?

Kita berurus niagadengan cara yang jujur dan telus. Pendekatan kami adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- ➔ keputusan perniagaan mestilah berdasarkan merit, bukan pada keperluan peribadi; dan
- ➔ hadiah, perjalanan, hiburan dan bayaran-bayaran (pihak ketiga) tidak boleh mempengaruhi integriti keputusan perniagaan atau kesetiaan orang yang terlibat.

Sebarang urus niaga yang tidak wajar atau tidak jujur, termasuk sebarang bentuk rasuah (secara langsung atau tidak langsung) dan bayaran fasilitasi, adalah dilarang sama sekali.

Tiada pengecualian, melainkan hidup anda atau kehidupan ahli keluarga anda berada dalam bahaya atau terancam. Dalam kes sedemikian, dokumentasikan kejadian itu dengan teliti dan melaporkannya dengan segera kepada Pengarah Urusan, Pengarah Korporat, ahli Pasukan Kepimpinan Eksekutif yang relatif atau Lembaga Eksekutif, mengikut mana yang berkenaan.

Hadiah, perjalanan & hiburan

Hadiah, perjalanan dan hiburan boleh terdiri daripada pelbagai bentuk seperti makan malam, tiket atau lawatan. Antara contoh hadiah yang mungkin sukar dikenalpasti adalah bayaran perbelanjaan, diskaun, stok dan kelebihan seperti pinjaman, penggunaan percuma aset atau perkhidmatan yang disediakan secara percuma atau pada kadar yang istimewa.

Sentiasa pertimbangkan niat di sebalik hadiah, perjalanan atau hiburan. Hanya tawaran atau penerimaan hadiah, perjalanan atau hiburan yang membangunkan atau mengukuhkan hubungan perniagaan (dari hubungan perniagaan sahaja), yang menunjukkan penghargaan atau kebaikan kerjasama dibenarkan. Jangan memberi atau menjanjikan apa-apa yang bernilai kepada mana-mana pihak dengan tujuan untuk menerima layanan yang baik atau mempengaruhi keputusan perniagaan. Jangan meminta atau menerima apa-apa yang bernilai daripada mana-mana pihak bagi tujuan yang sama. Gunakan pertimbangan profesional anda pada setiap masa.

Hanya tawarkan atau terima hadiah, perjalanan dan/atau hiburan yang:

- ➔ bukan secara tunai atau setara tunai (seperti kad hadiah atau baucar)
- ➔ adalah satu pelengkap yang munasabah kepada hubungan perniagaan
- ➔ berpadanan dengan kedudukan penerima, sederhana, pada masa yang sesuai dan jarang berlaku
- ➔ adalah selaras dengan Compass kami, dasar-dasar yang berkenaan, amalan urusniaga yang diterima umum di negara penerima, undang-undang di negara anda dan lain-lain perundangan yang berkenaan
- ➔ menunjukkan rasa yang baik dan peka terhadap reputasi anda dan FrieslandCampina
- ➔ dilakukan tanpa syarat dan dengan cara yang telus
- ➔ bernilai di bawah **€50 (RM240)-** bagi setiap hubungan perniagaan dan **€150 (RM720)** bagi setiap hubungan perniagaan untuk perjalanan dan/atau hiburan, atau jumlah yang sama yang sesuai dan diterima di negara anda. Apabila menggunakan had nilai ini, anggap tiket untuk hiburan sebagai hadiah dan bukan sebagai hiburan jika anda atau hubungan perniagaan anda tidak akan bertindak sebagai tuan rumah di hiburan.

Maklumkan kepada pengurus anda jika anda bercadang untuk menawarkan atau jika anda ditawarkan hadiah, perjalanan dan/atau hiburan. Anda mesti mendapatkan kelulusan bertulis daripada Pengarah Urusan Syarikat, Pengarah Korporat, anggota Pasukan Kepimpinan Eksekutif yang relatif atau Lembaga Ekesekutif jika anda bercadang untuk menawarkan atau menerima hadiah, perjalanan dan/atau hiburan yang tidak selaras dengan perkara-perkara di atas. Kelulusan tersebut perlulah diperoleh sebelum menawarkan atau menerima hadiah, perjalanan dan/atau hiburan. Sekiranya keengganan untuk menerima hadiah akan menghina pemberi, sila terima dengan sopan dan laporkan pemberian tersebut kepada Pengarah Urusan, Pengarah korporat, ahli Pasukan Kepimpinan Eksekutif atau Lembaga Eksekutif dan menyerahkan hadiah tersebut kepada syarikat secepat mungkin.

Sekiranya kes hadiah, perjalanan dan/atau hiburan menunjukkan nilai lebih dari **€500 (RM2,395)-** bagi setiap hubungan perniagaan, Pengarah Urusan Syarikat Operasi, Pengarah korporat, ahli Pasukan Kepimpinan Eksekutif atau ahli Lembaga Eksekutif mesti berunding dengan urusan perniagaan Pengurus Korporat Tingkah Laku Perniagaan FrieslandCampina di Amersfoort sebelum meluluskan tawaran atau penerimaan tersebut

Pegawai awam

Jangan menawarkan **sebarang** hadiah, perjalanan atau hiburan kepada pegawai awam (termasuk pekerja syarikat milik kerajaan dan pertubuhan kerajaan dan parti politik). Pengecualian hanya boleh dilakukan jika diluluskan secara bertulis oleh Pengarah Urusan anda, Pengarah Korporat, ahli Pasukan Kepimpinan Eksekutif yang relatif atau Lembaga Eksekutif. Mereka akan menilai sama ada keadaan itu membenarkan pengecualian, sementara sentiasa menghormati syarat-syarat di atas.

Hadiah kepada orang berdekatan dengan pegawai awam (ahli keluarga dan Penasihat yang rapat) juga dianggap sebagai hadiah kepada pegawai awam itu sendiri dan oleh itu tidak dibenarkan.

Tiada rasuah; Tiada bayaran fasilitasi

Rasuah menawarkan sesuatu yang bernilai kepada seseorang (misalnya seorang pegawai awam atau pekerja rakan perniagaan) dengan tujuan mempengaruhi tindakan atau keputusan. Bayaran fasilitasi adalah pembayaran jumlah yang kecil bagi tujuan mendapatkan (dengan lebih cepat) apa yang anda berhak terima.

Segala cara bermiaga yang tidak betul atau tidak jujur, termasuklah menerima sebarang rasuah atau membuat sebarang bayaran fasilitasi adalah dilarang sama sekali.

Tiada sebarang pengecualian diberikan melainkan nyawa anda atau nyawa ahli keluarga anda sedang terancam dan berada dalam keadaan yang berbahaya. Dalam situasi ini, rekod segala butiran insiden dan laporan dengan segera kepada Pengarah Urusan Syarikat, Pengarah Korporat, anggota Pasukan Kepimpinan Eksekutif yang relatif atau Lembaga Ekesekutif, mana-mana yang berseuaian.

Sumbangan & penajaan

Apabila memberi sumbangan kepadabantuan kemanusiaan, badan amal atau organisasi bukan keuntungan lain dan apabila memasuki penajaan, prinsip-prinsip berikut perlu digunakanapakai:

Hanya membuat sumbangan atau menyertai penajaan yang:

- ➔ mengukuhkan atau melindungi reputasi FrieslandCampina dan jenamanya
- ➔ memenuhi matlamat kita iaitu "nourishing by nature"
- ➔ mematuhi prinsip-prinsip dan peraturan Polisi Acara dan Penajaan Global FrieslandCampina
- ➔ telus
- ➔ diberikan kepada penerima yang betul, pada masa yang tepat dan atas sebab yang betul dan
- ➔ direkodkan dengan betul dalam buku dan rekod kita.

Jangan membuat sumbangan kepada dan jangan menaja (dalam bentuk wang, masa atau produk):

- ➔ parti politik, aktiviti politik atau orang yang berkaitan;
- ➔ pertubuhan keagamaan, aktiviti keagamaan atau orang yang berkaitan; atau
- ➔ organisasi tentera, aktiviti ketenteraan atau orang yang berkaitan.

Jangan membuat sumbangan atau penajaan (dalam bentuk wang, masa atau produk) kepada mana-mana organisasi, aktiviti atau orang yang berkaitan yang:

- ➔ meningkatkan perdebatan umum yang negatif
- ➔ menimbulkan sebarang bahaya terhadap keselamatan atau kesihatan peserta atau orang awam atau
- ➔ mengenakan sebarang beban (tambahan) terhadap masyarakat atau alam sekitar.

Jangan sekali-kali memberi sumbangan untuk mendapatkan kelebihan perniagaan atau mendapatkan manfaat peribadi. Kita menderma tanpa menerima atau mengharapkan apa-apa balasan.

Jika anda membuat sumbangan atau penajaan di masa lapang anda, pastikan anda tidak memberi tanggapan bahawa FrieslandCampina terlibat atau memberikan sokongan juga.

Pembayaran pihak ketiga

Di kebanyakan negara di mana kita menjalankan perniagaan atau mahu memulakan atau mengembangkan perniagaan, kita bekerja dengan pihak ketiga, seperti ejen, perunding atau pengantara. Mereka memberikan perkhidmatan kepada syarikat kita atau boleh bertindak bagi pihak kita. Kita membayar sebahagian daripada

pihak ketiga dengan bayaran setiap jam tetapi sesetengah pihak kita membayar komisen. Komisen bermaksud bayaran kepada pihak ketiga yang merupakan peratusan daripada nilai perkhidmatan atau produk yang akan disediakan sebagai balasan untuk bantuan mereka.

Tingkah laku pihak ketiga ini boleh menjadi tanggungjawab kita, terutamanya jika mereka melanggar undang-undang yang berkenaan.

Oleh itu, hanya memasuki perjanjian dengan pihak ketiga setelah ia telah diperiksa. . Periksa secara aktif jika ia menjalankan perniagaan yang jujur dan jika ia tidak terlibat dalam hadiah tidak wajar, perjalanan, hiburan atau bayaran (lain) untuk menyelesaikan sesuatu.

Pastikan bahawa perjanjian dengan pihak ketiga tersebut mengandungi peruntukan untuk melindungi FrieslandCampina dengan betul dan pastikan pihak ketiga mematuhi syarat anti rasuah. Untuk sokongan lanjut, sila hubungi peguam tempatan anda.

Semasa bekerja dengan pihak ketiga itu, terus prihatin terhadap sebarang perubahan dalam tingkah laku. Jika anda merasakan bahawa sesuatu perkara yang tidak betul atau jika anda tidak pasti, buat siasatan lanjut.

Hanya buat pembayaran kepada pihak ketiga:

- ➔ untuk perkhidmatan yang telah atau akan diberikan
- ➔ bagi jumlah yang munasabah berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan
- ➔ berdasarkan dan didokumenkan oleh invoice yang betul
- ➔ kepada akaun bank pihak ketiga yang sama di negara di mana perkhidmatan telah diberikan dan
- ➔ catat dengan betul pembayaran dalam buku dan rekod kita.

Sentiasa peka terhadap sebarang tanda perrusniagaan dengan cara yang tidak wajar. Beberapa contoh situasi di mana anda perlu berhati-hati dan perlu mengambil tindakan adalah:

- ➔ seorang pegawai awam meminta pihak (ketiga) yang tertentu untuk dipilih pembekal perkhidmatan
- ➔ pihak ketiga dimiliki atau dikendalikan oleh (bekas) pegawai awam atau (bekas) pekerja pelanggan kita
- ➔ pihak ketiga (misalnya ejen) hanya akan berurusan dengan pegawai awam tanpa kehadiran anda dan tidak melibatkan penyertaan daripada FrieslandCampina
- ➔ Rancangan pihak ketiga untuk melaksanakan kerja ini adalah kabur dan/atau bergantung kepada kenalan atau hubungan
- ➔ pihak ketiga meminta bayaran pendahuluan yang luar biasa
- ➔ pihak ketiga mencadangkan supaya kelakuan yang tidak sah disisi undang-undang boleh diterima kerana ia adalah norma atau adat dan
- ➔ pihak ketiga menyatakan bahawa dia memerlukan bayaran untuk "menyelesaikan sesuatu" atau "memuktamadkan perjanjian".
- ➔ sebarang tindakan yang membolehkan pihak ketiga untuk tidak menyimpan sebarang rekod pembayaran di dalam buku mereka seperti pembayaran tunai, memisahkan pembayaran dalam jumlah yang lebih kecil, pembayaran ke akaun bank atas nama pihak lain dan pembayaran ke akaun bank di negara lain daripada di mana perkhidmatan itu disampaikan atau pihaknya berada

Perkara di atas adalah contoh semata-mata. Pastikan anda berwaspada terhadap semua jenis tanda cara berurus niaga yang tidak wajar.

Tiada penggubahan wang haram

Penggubahan wang haram adalah suatu aktiviti di mana seseorang itu membelanjakan atau menukar wang yang dijana daripada kegiatan haram menjadi seolah-olah datang dari pendapatan yang bersih. FrieslandCampina beserta seluruh kakitangannya hendaklah sentiasa mengambil langkah mencegah kegiatan haram ini daripada terus berlaku kerana kesannya akan membawa kepada aktiviti penggubalan wang haram berskala besar.

Hendaklah sentiasa berjaga-jaga dengan setiap tanda-tanda penggubalan wang haram. Antara contoh situasi yang perlu diambil perhatian ialah:

- ➔ membuat pembayaran dari akaun bank atas nama pihak yang tidak mempunyai kaitan dengan transaksi;
- ➔ membuat pembayaran dari akaun bank di negara lain daripada tempat pelanggan ditubuhkan atau beroperasi;
- ➔ membayar tunai walhal mereka biasanya membayar secara elektronik;
- ➔ membahagikan pembayaran kepada jumlah yang lebih kecil (di bawah 10K);
- ➔ membuat pembayaran pendahuluan meskipun tidak mendapat persetujuan daripada pelanggan;
- ➔ tiba-tiba membatalkan atau meminda transaksi dan meminta pengembalian dana daripada pihak ketiga tanpa alasan perniagaan yang jelas;
- ➔ tidak mempunyai aktiviti perniagaan yang jelas atau berkaitan dengan barang yang dibeli dan negara yang terlibat;
- ➔ memberi butiran alamat yang tidak ada, tidak sepadan dengan maklumat pelanggan kami berpotensi untuk ia menjadi palsu;
- ➔ Sulit untuk menerangkan perihal perniagaannya atau kurang pengetahuan umum mengenai industri tersebut;
- ➔ memesan produk dengan nilai yang tidak kena dengan jumlah atau pendapatan pelanggan.

Apabila anda terlibat dalam aktiviti yang melibatkan rakan niaga baru (pembekal, pelanggan dan lain-lain), anda mesti mengikuti prosedur kami dan mematuhi panduan Tingkah Laku Perniagaan berkaitan dengan pemeriksaan rakan niaga.

Tiada alasan

Tiada alasan untuk tidak melakukan perniagaan yang jujur. Tidak mengetahui atau berpura-pura tidak tahu, entang apa yang dilakukan oleh pihak ketiga tidak boleh dijadikan sebagai alasan.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan

Jangan gunakan atau benarkan pihak ketiga untuk memintas dasar ini dan jangan memintas dasar ini dengan cara lain. Tidak bertindak selaras dengan dasar ini boleh membawa kepada langkah-langkah disiplin, termasuk pemecatan.

Mengemukakan soalan atau kebimbangan

Kita menggalakkan kakitangan yang mempunyai kebimbangan tentang pelanggaran Compass, untuk menyuarakan dan menyatakan kebimbangan tersebut. Kami faham bahawa ia memerlukan keberanian untuk bersuara. Itulah sebabnya kita mahu budaya syarikat tanpa rasa takut terhadap hukuman atau layanan yang tidak adil untuk mengemukakan kebimbangan tersebut. Jika anda bimbang bahawa sesuatu yang salah atau berbahaya berlaku di tempat kerja, sila jangan simpan kepada diri sendiri. FrieslandCampina tidak akan memenerima kesan negatif terhadap pekerja yang membangkitkan kebimbangan dengan niat baik. Anda akan dilindungi.

Prosedur Speak Up kami memberikan anda panduan tentang cara untuk membangkitkan kebimbangan.



Royal FrieslandCampina N.V.
Stationsplein 4, 3818 LE Amersfoort
The Netherlands
T +31 33 713 3333
www.frieslandcampina.com